

Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-Kanak

Siti Zuhaidah Zakeria
sitizuhaidahzakeria@yahoo.com
Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi
nikrafidah@gmail.com
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Kajian ini menggunakan koleksi cerita rakyat dalam majalah *Dewan Pelajar* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka yang disiarkan pada setiap bulan. Majalah *Dewan Pelajar* menyajikan cerita-cerita rakyat dalam ruangan “Cerita Rakyat” atau “Cerita Klasik” ini dilihat sebagai suatu usaha awal yang mendedahkan golongan cilik dan tentang kebudayaan serta akal budi bangsa Melayu tradisional. Kata bijak pandai “sedang rebung baik dipatah, jadi buluh melepuh jari”, telah menjadi bukti betapa perlunya kanak-kanak dididik untuk berhadapan dengan sebarang konflik dalam kehidupan mereka. Tujuan kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis konflik yang berlegar dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu dan kebijaksanaan mereka dalam menyelesaikan konflik tersebut. Hasil kajian menunjukkan ketinggian akal budi masyarakat Melayu dahulu dapat dikesan apabila kanak-kanak mendapat pengajaran daripada peristiwa lepas.

Kata Kunci cerita rakyat; konflik; resolusi; kanak-kanak

Abstract

This study used a collection of folk tales in Dewan Pelajar magazines, published on a monthly basis. Dewan Pelajar publishes of the stories of the people in the “Cerita Rakyat” or “Cerita Klasik” and seen as an early attempt to reveal this to young people of cultural and traditional Malay intellect. In Malay proverb, “sedang rebung baik dipatah, jadi buluh melepuh jari”, has become evident how important children are educated to deal with any conflict in their lives. The purpose of this study is to identify and analyze conflicts that linger in the Malay community before and wisdom in resolving the conflict. The results show the height of common sense the Malay community when children learned from past events.

Keywords folklore; conflict resolution; children

Pengenalan

Pada awal kejadian nabi Allah Adam a.s, konflik sudah hadir dalam diri manusia. Konflik dalam diri yang dialami oleh baginda yang berasa sunyi tanpa teman atau pasangan, lalu memohon untuk diberikan pasangan daripada Allah. Maka, Hawa makhluk manusia yang kedua diciptakan daripada tulang rusuk kiri nabi Adam a.s. Jelas menunjukkan konflik tidak dapat lari daripada kehidupan manusia, bahkan dihadirkan pula dalam pelbagai bentuk berdasarkan punca dengan beraneka jalan penyelesaiannya. Sememangnya, manusia tidak mampu lari daripada belunggu masalah dan konflik sepanjang menempuhi kitaran hidup kerana kedua-duanya juga mengajar umat manusia untuk berhadapan dengan situasi yang sebenar dihadapi dan dapat menghuraikannya. Sebagai umat Islam, keyakinan bahawa setiap yang diuji adalah untuk mengukur keimanan diri terhadap Allah SWT dan terdapat hikmah yang tersembunyi di sebalik ujian yang diberikan. Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam surah Al-‘Ankabut ayat 2-3 dan surah Al-Baqarah ayat 155-157 yang bermaksud;

“Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: “Kami beriman”, sedang mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan)? Dan demi sesungguhnya! Kami telah menguji orang-orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah tentang orang-orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahui-Nya tentang orang-orang yang berdusta”

(Tafsir Ar-Rahman, surah *Al-‘Ankabut* ayat 2-3: 1031)

“Dan Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan sampaikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar, iaitu orang-orang yang apabila ditimpa musibah mereka berkata sesungguhnya kami milik Allah dan kepada-Nyalah kami kembali. Mereka itulah yang memperoleh keampunan dan rahmat dari Tuhannya dan mereka itulah orang-orang yang mendapat petunjuk.”

(Tafsir Ar-Rahman, surah *Al-Baqarah* ayat 155-157: 60-61)

Meskipun begitu, istilah konflik sering kali diasosiasikan dengan pengertian negatif dengan keganasan atau ancaman kekerasan. Mana Sikana (2004:10) menganggap konflik sebagai pertentangan secara fizikal luaran ataupun peribadi dan dalaman yakni melibatkan manusia beradu kekuatan sesama manusia, manusia dengan binatang, manusia dengan alam dan sebagainya. Begitu juga Ismail Restu (2006: 8) turut menyatakan konflik boleh terjadi apabila ada pertentangan kepentingan dalam kalangan watak dan tidak hanya tercetus dalam kalangan manusia, bahkan terkadang boleh berlaku antara manusia dengan alam atau dengan bencana alam dan lain-lainnya. Wujudnya konflik menurut Dean Tjosvold (1993), disebabkan manusia mempunyai keinginan yang berbeza yang mana boleh menghadirkan pertentangan antara satu sama lain kerana keinginan salah satu pihak tidak sesuai dengan keinginan pihak yang lain. Demikianlah, Hawthorne menganggap konflik sebagai satu penyakit yang perlu diubati sebelum merebak teruk (Mohd. Foad Sakdan, 2005:2).

Dalam menaksir konflik, manusia perlu tahu mendeskripsikan punca yang memacu ke arah terhasilnya konflik tersebut kerana dengannya seseorang individu itu dapat menentukan keperluan yang diinginkan ataupun sebaliknya. Ini sebagaimana yang disarankan oleh Gerardi & Morrison "*an important factor in resolving conflict involves following a process that begins with assessing the conflict scenario. During the assessment process, individuals can determine what needs are not being met and what symptoms are present*" (Gerardi & Morrison, 2005; Julie Erin Leventhal, 2007:4). Terdapat pelbagai langkah dan teknik penyelesaian konflik yang telah dikemukakan oleh para ilmunan. Antaranya obligasi, dominasi, integriti, pengelakan, kompromi, pemendam, pendamaian, kepakaran luar dan paksaan. Gabungan pelbagai teknik juga mampu mencapai resolusi kerana konflik yang berbeza memerlukan tatacara yang berbeza dalam merungkainya. Pendedahan-pendedahan seperti ini sangat baik untuk pembinaan sikap dalaman dan luaran serta pembentukan nilai dan moral diri kanak-kanak. Memandangkan masa kanak-kanak, peranan rakan lebih penting maka, cara-cara membina dan mempertahankan sesebuah hubungan itu perlu diberi perhatian. Begitu juga pendedahan tentang cara menghadapi krisis dalam hidup dan cara untuk menyelesaikannya juga mampu membentuk kematangan fizikal dan mental kanak-kanak. Maka, peristiwa konflik dalam bahan bacaan kanak-kanak sangat bermanfaat. Hal ini terbukti apabila terdapat beberapa kajian sastera

yang menyentuh aspek konflik dalam karya. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Mohamad Luthfi Abdul Rahman dan rakan-rakan (2014:16) bertajuk “Awang Batil: Penglipur Lara Bijaksana, Penyarang Penyelesaian Konflik” yang memaparkan kemahiran masyarakat tradisi berhadapan dengan konflik hidup tanpa melibatkan peperangan. Selain itu, hasil kajian yang dijalankan oleh Nik Rafidah Nik Mohamad Affendi (2011) yang berjudul “Keabnormalan dan Konflik Manusia dalam *Eno: Satu Kajian Psikologi*” pula memaparkan konflik-konflik yang tidak dapat dikawal oleh manusia yang akhirnya memberi kesan yang negatif. Di samping itu, sebuah lagi kajian yang turut menyentuh soal konflik, iaitu kajian yang dilakukan oleh Mior Muhammad Saiful Nizan, Nik Rafidah dan Arba’ie (Jun 2012) yang berjudul “Refleksi Penyataan Psikologi Abnormal dalam Cerpen-cerpen Remaja”. Kajian ini mengaitkan punca teretusnya keabnormalan manusia dengan melihatnya daripada perspektif psikologi abnormal. Jelas sekali, terdapat kajian tentang konflik dalam kajian sastra. Namun begitu, tidak banyak kajian yang berfokuskan cerita rakyat dan melihat kesan konflik daripada perspektif kanak-kanak. Justeru, dengan kajian ini diharapkan dapat memenuhi lompong-lompong kajian konflik yang ada. Demikianlah, konflik resolusi dalam konteks perbincangan ini ialah konflik diri dan konflik individu dengan manusia lain seperti keluarga dan masyarakat yang terdapat dalam cerita rakyat terpilih untuk kanak-kanak keluaran majalah *Dewan Pelajar* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Metodologi Kajian

Cerita rakyat yang akan dibincangkan ini ialah cerita-cerita lisan yang disiarkan dalam majalah *Dewan Pelajar* tahun 2000 dan 2006 secara bercetak yang telah mengalami proses pengubahsuaian mengikut tingkat pencapaian umur pembacanya (kanak-kanak) yakni sekitar usia 9 hingga 12 tahun. Cerita rakyat yang disiarkan dalam ruangan “*Cerita Rakyat*” atau “*Cerita Klasik*” ini kerap menjadi tumpuan dan digemari oleh pembacanya. Ini terbukti, pada kebanyakan surat-surat pembaca yang tersiar dalam ruangan “*Surat Adik-adik*”, rata-rata pembaca memberi komen positif dan menjadikan ruangan “*Cerita Rakyat*” sebagai ruangan kegemaran mereka.

Semestinya, dengan kedudukan majalah *Dewan Pelajar* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai majalah akademik terawal untuk

kanak-kanak telah membantu melancarkan usaha memperkenalkan tinggalan bangsa Melayu dahulu ini kepada generasi muda kini. Bahkan, adanya majalah ini juga turut memberi dan menyebarkan ilmu pelbagai bidang mahupun lapangan sekaligus menggalakkan tabiat suka membaca, belajar, membuat kajian, serta menggalakkan kegiatan berfikir secara kreatif dan kritis dalam diri kanak-kanak. Memetik pendapat daripada Hadijah Rahmat, beliau menyatakan walaupun sastera lisan atau sastera rakyat ditujukan khusus untuk santapan jiwa anggota-anggota masyarakat yang dewasa namun ia telah tersebar luas dan turut diminati oleh kanak-kanak (Hadijah Rahmat, 2006:3). Kenyataan ini, secara tidak langsung menyokong pendapat yang dikemukakan oleh Nha-Trang Cong-Huyen-Ton-Nu bahawa cerita rakyat merupakan salah satu produk sastera rakyat atau sastera lisan Melayu yang memiliki peranan penting bagi kanak-kanak (Nha-Trang Cong-Huyen-Ton-Nu, 1975:646).

Menurut Burhan Nurgiyantoro, sastera mampu memberi kesenangan dan kenikmatan, namun di dalamnya juga terkandung unsur yang “memberi kemanfaatan” yakni dapat dilihat dalam aspek kehidupan yang menunjang pembentukan karakter pembacanya (Burhan Nurgiyantoro, 2010: 31). Hal ini, menunjukkan hasil kreatif golongan rakyat desa ini turut bertujuan memberi nasihat dan pendidikan secara tidak formal kerana mengandungi pengajaran juga nilai-nilai yang mampu dijadikan pedoman hidup kepada ahli masyarakatnya selain berfungsi bahan hiburan. Tambah Burhan, karya sastera-sastera lama ini (termasuk “*folktale*”, “*folksong*”, hikayat, dongeng, legenda, mitos, puisi, dan sebagainya) menampilkan pelbagai alternatif model kehidupan yang mencakupi berbagai aspek seperti cara berfikir, bertindak, cara memandang dan memperlakukan sesuatu, berperilaku, dan sebagainya. Perkara yang dapat disimpulkan di sini ialah, budaya pemikiran masyarakat dahulu terutamanya ketika berdepan dengan permasalahan dan konflik hidup yang terkandung dalam karya-karya sastera rakyat sangat membantu kepada perkembangan dan pembentukan keperibadian juga pemikiran kanak-kanak. Hal ini, menunjukkan betapa moleknnya cerita-cerita rakyat disebar luas dan diajarkan kepada generasi muda khususnya pada peringkat kanak-kanak yang sedang mengalami proses pengembangan jasmani dan rohani sebagai persediaan melahirkan generasi pelapis negara berfikir kelas pertama pada masa depan. Dalam kajian ini, pengkaji memilih empat buah cerita rakyat untuk dibincangkan. Hal ini sepertimana yang lampirkan dalam jadual di bawah;

Jadual 1 Judul empat buah cerita rakyat yang diterbitkan dalam *Dewan Pelajar* yang menjadi bahan kajian.

Bil	TAJUK CERITA	BULAN	TAHUN
1.	<i>Raja Medang yang Zalim</i>	April	2000
2.	<i>Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam</i>	September	2006
3.	<i>Tamak Membawa Rugi</i>	Julai	2000
4.	<i>Dot Dat Si Pemalas</i>	Januari	2000

Selain itu, kajian konflik ini akan diteliti melalui Pendekatan Psikologi yang seperti yang dikemukakan oleh Sigmund Freud dengan konsep mekanisme bela diri serta Pendekatan Psikologi Perkembangan Kanak-kanak yang dikemukakan oleh Jean Piaget dan Robert Havighurst. Sememangnya, cerita-cerita yang disampaikan ini mengandungi pelbagai nilai dan pengajaran yang difikirkan bersesuaian dengan tahap perkembangan psikologi kanak-kanak yang berumur sekitar 9 hingga 12 tahun yang mana, rata-ratanya sudah mendapat pendidikan secara formal di sekolah rendah dan mampu membaca serta memahami isi kandungan cerita.

Perbincangan Kajian

Sebagai mana menurut Wellek dan Warren, konflik ialah sesuatu yang bersifat dramatik yang mengacu kepada pertarungan antara dua kekuatan yang seimbang dan adanya aksi dan aksi balasan (Wellek & Warren, 1995:285). Menurut Mana Sikana, konflik biasanya melibatkan watak dan sangat berhubung kait dengan pembinaan plot dan perkembangan watak (Mana Sikana, 2004:10). Berdasarkan keempat-empat buah cerita kajian ini, konflik yang berlaku ialah konflik internal yang melibatkan dalaman diri individu, dan konflik *external*, iaitu konflik diri dengan keluarga dan konflik diri dengan masyarakat.

Konflik dalaman merupakan permasalahan yang berlaku kepada seorang watak atau tokoh yang bersangkutan dengan rasa keinginan, tuntutan dan juga harapan. Rahman Shaari (1985) pula menyatakannya sebagai satu keadaan kekacauan jiwa kerana masalah tertentu. Konflik luaran menurut Marqua merupakan permasalahan yang terjadi pada dua atau lebih watak yang mempertentangkan kekuasaan, hak milik, kebaikan seseorang atau seperti pertentangan (Marqua, 1998) dan Tri

Rasa Setyaning (2011). Kedua-dua jenis konflik ini dapat dikesan melalui pemerian, dialog dan monolog yang dipaparkan oleh watak-watak dalam cerita rakyat yang dianalisis.

Konflik Diri Seseorang Individu

Konflik dalaman yang dimaksudkan ialah pergolakan yang berlaku dalam diri sesuatu watak yang akhirnya membuka ruang kepada perubahan dalaman diri watak tersebut. Antara konflik diri yang dominan yang ditemukan dalam cerita rakyat kajian ialah konflik diri perasaan malu. Konflik diri rasa malu ini jelas tergambar dalam diri watak Raja Medang dalam cerita *Raja Medang yang Zalim* dan watak Raja Shahrul Alam dalam cerita *Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam*.

Melalui cerita *Raja Medang yang Zalim*, pada awalnya watak Raja Medang telah pun berhadapan dengan konflik dengan dirinya yang masih belum dikurniakan anak walaupun telah lama berumah tangga. Kerisauan baginda yang mahukan zuriat untuk mewarisi takhta sebagai pemimpin negara menjadikan beliau seorang manusia yang tawaduk kepada Tuhan dan sentiasa berdoa memohon dikurniakan anak. Doa yang dipinta akhirnya dikabulkan oleh Allah dan akhirnya permaisurinya mengandung. Namun, saat kelahiran anaknya yang disambut sendiri oleh Raja Medang telah mengganggu-gugat emosi beliau sebagai seorang hamba yang tidak berkuasa di hadapan Tuhan dan sebagai raja yang berdarjat tinggi pada mata rakyatnya. Ini kerana, anak yang dilahirkan permaisurinya bukanlah puteri atau putera seperti yang diharapkan oleh Raja Medang tetapi seekor anak kijang. Kekurangan dan keganjilan kelahiran anaknya ini menyebabkan Raja Medang tidak dapat menerima kenyataan dan berhadapan dengan konflik rasa malu dalam diri dan ia dapat dirujuk seperti kenyataan di bawah;

“Tetapi alangkah terkejutnya baginda, kerana yang dilahirkan oleh permaisuri bukanlah seorang putera atau puteri, tetapi seekor anak kijang. Baginda berasa sangat malu sekiranya hal tersebut diketahui oleh rakyat jelata.”

(*Dewan Pelajar*, April 2000: 52)

Menurut Freud terdapat dua cara apabila ego berhadapan dengan ancaman yang boleh menggugat kestabilan, iaitu berhadapan terus dengan keadaan tegang atau membela diri daripada keadaan tersebut. Dengan mekanisme bela diri akan mendorong seseorang menidakan, memalsukan atau mengubah kebenaran secara sedar mahupun tidak (Habibah & Noran Fauziah, 1997:22). Berdasarkan situasi ini, watak Raja Medang memilih mekanisme bela diri penidakan, iaitu tidak atau enggan menerima kelahiran anaknya, seekor anak kijang sebagai penyelesaian kepada konflik diri yang dialaminya. Keengganan ini mendorong baginda bertindak di luar batas perikemanusiaan dengan sanggup membunuh anaknya demi mengelakkan kelahiran tersebut diketahui umum. Hal ini dinyatakan seperti petikan di bawah:

“Bagi mengelakkan hal tersebut diketahui orang, baginda membawa anaknya itu jauh dari istana. Tanpa perasaan belas kasihan, baginda menguburkan anak kijang yang masih hidup itu, tanpa diketahui oleh orang lain. Setelah itu, baginda kembali semula ke istana.”

(*Dewan Pelajar*, April 2000:53)

Meskipun, bukti kelahiran anaknya seekor kijang dan pembunuhan yang dilakukan oleh baginda dapat disorok, namun konflik yang dihadapi tidak terhenti di situ. Baginda terpaksa berdepan dengan penyakit ganjil yang menyerangnya sekembalinya dari hutan. Seluruh badan baginda membengkak sehingga menyukarkan baginda untuk bergerak. Dukun-dukun dipanggil untuk mengubati penyakit baginda. Namun, tidak seorang pun mampu berbuat demikian. Suatu hari baginda terdengar suatu suara, memberitahu penyakit yang dialaminya merupakan balasan daripada Tuhan atas perbuatan membunuhnya. Bagi mengubati penyakit tersebut, baginda harus mengaku kesalahan membunuhnya kepada sekalian rakyatnya. Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga, ego Raja Medang benar-benar terancam sehingga beliau kegelisahan mencari idea untuk melepaskan diri dan takut mengaku kesalahan yang dilakukan kepada khalayak rakyatnya. Kemudian, baginda meminta Sulung, hamba kesayangannya mendengar rahsia kekejaman yang dilakukan dan memintanya merahsiakan hal tersebut. Jelas di sini, Raja Medang menyelesaikan konfliknya dengan kaedah obligasi. Kaedah obligasi menurut Membunga@Siti Meriam (2014) ialah suatu penyelesaian masalah yang berlaku antara orang bawahan dengan pihak yang lebih

pengaruh (Membunga@Siti Meriam, 2014: 57). Disebabkan raja dianggap entiti penting, pihak bawahan (Sulung) tidak menunjukkan tentangan dan memegang rahsia tersebut meskipun perbuatan yang dilakukan oleh rajanya itu salah mengikut undang-undang dan agama. Akibatnya, Sulung terpaksa menanggung penyakit yang dihadapi oleh Raja Medang setelah “dialihkan” kepadanya. Walau bagaimanapun, pepatah telah menyatakan sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah jua. Walau sejauh manapun raja mengelak daripada mengaku kezalimannya itu, akhirnya terbongkar. Hal ini diceritakan seperti di bawah;

“Pada suatu hari, pokok jati itu telah ditebang orang untuk dibuat beduk. Apabila beduk itu dibunyikan maka terdengar suatu bunyi yang sangat aneh.

“... Dang... dang...dang...! Raja Medang berputera kijang, telah dikuburkan hidup-hidup, kemudian disampaikan kepada Sulung... dang...dang...dang..”. Semenjak itu maka sekalian rakyat negeri itu pun mengetahui bahawa raja mereka telah mempunyai seorang anak menyerupai kijang.”

(Dewan Pelajar, April 2000:53)

Pembongkaran kezaliman Raja Medang oleh pokok jati tersebut menunjukkan satu simbolik untuk menyindir golongan yang takut menghadapi atau sering melarikan diri daripada permasalahan yang dihadapi dalam kehidupannya. Ini kerana, resolusi konflik secara pengelakan hanyalah bersifat sementara kerana permasalahan yang dialami tidak akan pernah diselesaikan malah diri sentiasa dihambat oleh konflik-konflik yang lain. Watak Raja Medang ini secara tidak langsung mengajar kepada pembaca kanak-kanak bahawa mengelak daripada mendepani konflik bukanlah satu langkah yang terbaik dalam usaha menyelesaikan permasalahan yang berlaku.

Kendati pun, resolusi yang digambarkan dalam cerita ini bersifat negatif dan tidak membawa kepada perubahan dalam diri watak di akhir cerita tetapi kebenaran tetap terungkap. Ternyata, pengarang cuba menyampaikan pemikirannya kepada pembaca kanak-kanaknya bahawa ketinggian kedudukan yang dipegang oleh Raja Medang dan kepatuhan rakyat terhadapnya tetap tidak akan terlepas daripada hukum Allah atas dosa membunuh yang dilakukannya. Malahan, Allah SWT segera menghukum baginda yang menipu dan zalim itu dengan

mendatangkan penyakit misteri yang tiada penawarnya sebaik sahaja pulang dari membunuh anaknya. Firman Allah SWT dalam surahnya Asy-Syura (ayat 30-31) dengan maksud;

“Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa”); dan (dalam pada itu) Allah memaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu. Dan kamu tidak akan melemahkan kuasa Allah (daripada menimpakan kamu dengan bala bencana, walaupun kamu melarikan diri di mana sahaja) di muka bumi (atau langit) ...”

(*Tafsir Ar-Rahman*, 2002: 1292)

Pengajarannya di sini, pembaca dapat memahami dan menerima bahawa konsep si zalim akan menerima balasan atas perbuatan tetap dipertahankan oleh pengarang meskipun disampaikan dalam bentuk yang sinis.

Konflik Diri Ibu Bapa dengan Anak (Konflik Kekeluargaan)

Selain itu, perbincangan konflik ini diperluaskan dengan konflik dalam institusi kekeluargaan. Hal begini dapat dilihat melalui watak Raja Syahrul Alam dalam cerita *Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam*. Diceritakan, pada hari ulang tahun baginda yang ke-50, ketiga-tiga puteri baginda telah menyediakan hadiah. Puteri sulung dan tengah telah mempersiapkan hadiah yang gah dan bernilai iaitu sepasang kasut emas dan tanjak yang diperbuat daripada kain songket yang ditunen indah. Berbeza dengan kakak-kakaknya, puteri bongsu yang bernama Sinar Cahaya hanya menghadihkan semangkuk air dan semangkuk garam sebagai hadiah ulang tahun ayahandanya. Tindakan ini telah mendatangkan kemurkaan kepada Raja Syahrul Alam yang berasa malu kerana menurutnya dengan kedudukannya sebagai seorang raja dan seorang ayah, hadiah yang diberikan puteri Sinar Cahaya bagai satu penghinaan buat dirinya. Hal ini dinyatakan dalam dialog di bawah;

“Raja Syahrul Alam sungguh murka dengan hadiah Puteri Sinar Cahaya.

“Anakanda telah mempermain-mainkan ayahanda. Hadiah ini hanya layak untuk diberikan kepada rakyat yang miskin,” kata Raja Syahrul Alam.”

“Ampunkan anakanda, jika ayahanda tidak suka dengan pemberian ini. Anakanda memberikan hadiah makanan. Sudah tentu lebih diperlukan berbanding kasut emas dan tanjak,” jawab Puteri Sinar Cahaya.”

(Dewan Pelajar, September 2006: 40)

Tindak balas yang diberikan oleh Raja Syahrul Alam ini membuktikan ego baginda sedang berhadapan dengan ketegangan, iaitu konflik dengan perasaan malu tadi. Pada awalnya, baginda memendam rasa sebagai mekanisme bela dirinya dengan memberi ruang kepada puteri bongsunya memberi alasan hadiah tersebut diberikan. Namun, menurut Freud menerusi psikologi analitis yang dipegangnya, idea yang dipendam oleh seseorang individu itu tidak akan terus hilang bahkan akan kembali ke bahagian sedar melalui cara yang lain pula misalnya melalui mimpi atau terlepas kata (Habibah & Noran Fauziah, 1997: 22). Menurut Harith bin Asad al-Muhasibi, sifat amarah yang tidak diawasi oleh fikiran rasional mudah menghancurkan diri sendiri dan dunia sekelilingnya jika tidak dikendalikan (Hasan Langgung, 1997: 303). Hal ini, dapat dilihat melalui tindakan Raja Syahrul Alam yang gagal mengawal amarahnya lalu tergesa-gesa membuat keputusan dengan menghalau puteri Sinar Cahaya dari istananya tanpa alasan kukuh.

“Keluarlah dari istana ini! Anakanda tidak berhak ke atas harta-harta ayahanda. Anakanda tidak mengenang jasa ayahanda selama ini,” perintah Raja Syahrul Alam.

Puteri Sinar Cahaya keluar dari istana dengan perasaan sedih...”

(Dewan Pelajar, September 2006: 40)

Walaupun pernah disisihkan oleh ahli keluarga sendiri, puteri Sinar Cahaya tetap menerima kedatangan ayahnya yang telah jatuh miskin dengan hati lapang. Dia juga sudi menghidangkan makanan kepada ayahandanya yang kelaparan. Perlakuan puteri Sinar Cahaya selari dengan sikap dan budaya orang Melayu sendiri yang sangat menitikberatkan kehormatan kepada orang tua, baik ibu bapa mahupun orang tua lain sebagaimana yang pernah diluahkan oleh Syed Husin Ali dalam *Malay Peasant Society and Leadership* bahawa “*Age is honored and the elders are not only respected but quite often*

given preference over the young in term of holding leading positions, within institutions” (Laurent Metzger, 2009). Sekiranya, sikap hormat tersebut tidak diberi kepada orang tua, seseorang itu dianggap tidak mengenang jasa dan masyarakat Melayu menentang kelakuan itu. Di sini, jelas sekali pengarang cuba menyelitkan keindahan budaya masyarakat Melayu melalui ceritanya dengan berharap dapat mengajar adat dan kesopanan bangsa kepada audiens pembacanya.

Walaupun telah mendapat kebaikan dan layanan yang baik daripada anaknya, Raja Syahrul tetap tidak berpuas hati apabila kesemua makanan yang dihidangkan tawar dan air juga tidak disediakan sehingga menyebabkan baginda tidak dapat menahan marah;

“Berikanlah air untuk ayahanda, “balas ujar Raja Syahrul Alam.
“Di istana tiada air ayahanda,”balas puteri Sinar Cahaya.
Raja Syahrul Alam berasa marah mendengar jawapan itu.”

(*Dewan Pelajar*, September 2006: 40-41)

Selain memberi pendedahan tentang keindahan adat dan budaya masyarakat Melayu, melalui cerita ini juga pengarang turut menyatakan mempamerkan sindirannya kepada golongan yang tidak pernah bersyukur dengan nikmat serta kebaikan yang diberikan sedangkan hal ini juga dituntut dalam ajaran Islam. Seperti mana dalam firman Allah SWT dalam surah Ibrahim ayat 7 yang bermaksud:

“Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah nikmat-Ku kepadamu, dan jika kamu mengingkari nikmat-Ku, maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih.”

(Tafsir Ar-Rahman, 2002: 596)

Konsep di atas, mungkin juga terjadi kerana dalam budaya Melayu sendiri, orang tua lebih meminta kehormatan dan kepatuhan mutlak daripada golongan muda. Ini jelas pada kenyataan Shukor Omar bahawa ibu bapa (Melayu) jarang mengucapkan terima kasih kepada anak-anak mereka walaupun anak-anak sudah membuat sesuatu yang khusus untuk mereka (Shukor Omar, 2003:27). Hal ini, Laurent Metzger juga membenarkan kenyataan tersebut dan menyatakan ucapan “terima kasih” tidak begitu tinggi nilainya

dalam kebudayaan masyarakat Melayu dan juga kebanyakan masyarakat Asia kerana beranggapan satu perkara atau pekerjaan yang telah dilakukan oleh seseorang untuk seseorang itu adalah dengan kesanggupan ia berbuat demikian, tanpa memerlukan apa-apa penghargaan (Laurent Metzger, 2009:74). Walau bagaimanapun, keegoan diri manusia boleh diatasi apabila manusia menyatakan cinta, atau apabila sudah berusia ataupun wujudnya sikap altruistik dalam diri seperti yang berlaku ke atas watak Raja Syahrul Alam. Kemarahan baginda terhalang setelah mendengar alasan daripada Sinar Cahaya atas tindakannya yang menyatakan seperti berikut;

“Dahulu ayahanda pernah berkata air dan garam merupakan barang yang tidak berguna. Kenapa sekarang ayahanda meminta air? Ayahanda lebih sukakan barang-barang yang mahal seperti emas dan permata. Anakanda tidak menyediakan air dan tidak memasukkan garam dalam masakan. Anakanda bimbang, ayahanda akan marah,” jelas puteri Sinar Cahaya.

Raja Syahrul Alam berasa malu mendengar penjelasan anakandanya itu. Kini barulah baginda mengerti mengapa anakandanya itu memberikannya hadiah semangkuk air dan semangkuk garam.”

(*Dewan Pelajar*, September 2006: 40)

Berdasarkan petikan di atas, jelas sekali menunjukkan ego diri Raja Syahrul Alam telah bertindak sebagai perantaraan antara id dengan superego dan berjaya menyelesaikan keadaan yang berkonflik serta bertindak balas secara realistik dengan menerima kenyataan bahawa nafsu amarah telah menyebabkan baginda tersalah faham dan bertindak kejam terhadap anaknya.

Kesimpulan daripada cerita *Raja Medang yang Zalim* (April 2000) dan *Hadiah Semangkuk Air dan Semangkuk Garam* (September 2006) di atas, ternyata mempunyai kesamaan, iaitu dari aspek punca berlakunya konflik dan resolusi yang diambil untuk menghentikan konflik yang dialami. Namun, perbezaan hasil yang diperolehi telah membuka mata pembaca supaya tidak terlalu bergantung dengan satu cara atau langkah ketika mencari penyelesaian. Malahan, manusia diberi akal untuk berfikir dengan kritis dan bersikap kreatif dalam mencapai penyelesaian masalah hidup sesuai dengan tahap perkembangan mereka. Ini kerana, menurut Robert Havighurst, kanak-

kanak pada 6 hingga 12 tahun sudah mampu menyelesaikan masalah kehidupan seharian berdasarkan pengalaman pemerhatian yang diperoleh mereka sebelum ini (Kamarulzaman Kamaruddin, 2011:26). Menurut Miller dan Dollard berbagai situasi penyelesaian masalah yang dilakukan, kebanyakannya lebih dipengaruhi oleh peniruan atau dengan mengerjakan perkara yang dilihat daripada orang lain buat (Miller & Dollard, 1941; Hasan Langgulung, 1997:275). Selari dengan kenyataan itu, boleh dikatakan bahawa gambaran-gambaran konflik dan penyelesaian yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat mampu menjadi model pembelajaran sosial untuk kanak-kanak generasi kini.

Konflik Individu Dengan Masyarakat

Kehidupan bermasyarakat yang sentiasa mengalami perubahan telah menyumbang terjadinya konflik. Menurut Collin, seorang ahli sosiologi, konflik sosial lebih berakar pada masalah individual dalam kehidupan sosialnya (Collin, 1990; Agus Sriyanto, 2007: 286-301). Hal ini, mungkin terjadi akibat perbezaan nilai, pendapat atau ideogi, mahupun kurangnya komunikasi antara satu sama lain menyebabkan tiada persefahaman seseorang individu itu dengan sesebuah pihak yang lainnya. Hal ini boleh dilihat menerusi kisah *Dot Dat Si Pemalas*, dan *Tamak Membawa Rugi*. Kedua-dua buah cerita ini mempamerkan pelbagai konflik dalaman diri yang tidak dipecahkan oleh watak tersebut sehingga membawa permasalahan kepada orang sekelilingnya.

Cerita *Dot Dat Si Pemalas* (Dewan Pelajar, Januari 2000) misalnya mengisahkan watak Dot Dat seorang pemalas dalam melakukan sebarang kerja yang akhirnya memberi kesusahan kepada orang sekelilingnya. Sikap malas juga merupakan satu cara seseorang ingin membela dirinya secara rasionalisasi. Dalam teori psikoanalitik Freud, mekanisme bela diri secara rasionalisasi ialah proses memberi alasan kepada perlakuan yang tidak dapat diterima dari segi motif peribadi atau sosial (Habibah & Noran Fauziah, 1997:22). Watak Dotdat digambarkan sangat malas mengeluarkan tenaga untuk kelangsungan hidupnya.

“Bayangkanlah kerana terlalu malas, hendak mengunyah makanan di dalam mulutnya pun dia berasa keberatan. Malah disumpahnya akan rezeki yang diperolehinya itu.”

(*Dewan Pelajar*, Januari 2000:52-53)

Setiap manusia mempunyai naluri untuk hidup berdasarkan desakan-desakannya menuntut keperluan seperti bekerja, minum, makan, berehat dan lain-lainnya. Namun, menurut Freud jika desakan atau tekanan ini diluahkan tanpa sekatan, sesebuah masyarakat itu tidak akan hidup lama. Alasannya, akan ada individu yang lebih kuat akan mengambil kesempatan ke atas individu yang lemah. Maka tiada lagi keseimbangan dalam masyarakat (Azlina Abu Bakar@ Mohd, 2002:12). Oleh itu, manusia perlu belajar menyelesaikan konflik dirinya secara realistik dengan tingkah laku yang diterima oleh masyarakat sekelilingnya. Namun, dalam situasi ini, ternyata watak Dotdat tidak pernah peka dan mencuba untuk menyelesaikan konflik diri yang dialaminya malah terlalu mengambil mudah dengan permasalahan yang membelanggunya. Ketiadaan motivasi dalam dirinya telah membentuk personaliti yang negatif sehingga mendatangkan ketidakselesaian kepada orang sekelilingnya. Ini dapat dilihat, cara penduduk kampung memutuskan untuk menamatkan hidup Dotdat di tali pergantungan sebagai jalan penyelesaian terakhir kerana menganggap Dotdat telah memberi contoh yang tidak baik dan mencemarkan nama baik kampung mereka.

“Ialu mereka mengambil keputusan untuk menggantung Dotdat sehingga mati. Alasannya, apabila Dotdat mati, maka lenyaplah contoh manusia pemalas yang mencemarkan nama baik kampung mereka.”

(Dewan Pelajar, Januari 2000: 52-53)

Hal ini, secara tidak langsung menggambarkan sikap malas tidak diterima oleh masyarakat Melayu yang rata-ratanya berpegang kepada ajaran Islam. Bahkan, sifat malas itu jika dilihat dari perspektif Islam adalah salah satu sifat orang munafik dan kenyataan ini telah dihuraikan melalui firman Allah SWT dalam surah an-Nisa ayat 142 yang bermaksud;

“Sesungguhnya orang-orang munafik itu melakukan tipu daya (terhadap ugama) Allah (dengan perbuatan pura-pura beriman sedang mereka kafir pada batinnya), dan Allah pula tetap membalas tipu daya mereka (dengan membiarkan mereka dalam keadaan munafik). mereka pula apabila berdiri hendak sembahyang, mereka berdiri dengan malas, mereka (hanya bertujuan) riak (memperlihatkan

sembahyangnya) kepada manusia (supaya disangka bahawa mereka orang yang beriman), dan mereka pula tidak mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang) melainkan sedikit sekali (jarang-jarang).”

(*Tafsir Ar-Rahman*, 2002: 228)

Matlamat untuk mendapatkan kepuasan terhadap keperluan diri merupakan salah satu empat ciri naluri manusia yang dikemukakan oleh Freud (Azlina Abu Bakar @ Mohd, 2002: 11-12). Benar, desakan naluri manusia akan membawa manusia bertindak untuk mendapatkan kepuasan yang diinginkan. Namun, tanpa kawalan yang baik akan memberi kesan yang buruk kepada personaliti diri yang seterusnya akan mempengaruhi tingkah laku seseorang itu. Watak Masran dalam cerita *Tamak Membawa Rugi* merupakan contoh personaliti negatif yang terbentuk daripada kegagalan individu tersebut menyesuaikan diri dengan keadaan sekitarnya. Sikap Masran yang tidak pernah berpuas hati dengan kekayaan yang dimiliki telah mendorongnya merantau dan mengumpul harta demi memenuhi kepuasan yang dicari tanpa memikirkan kesan kepada orang sekelilingnya. Meskipun niatnya untuk ke Pulau Undan dihalang oleh pembantunya, Adun kerana cuaca dan keadaan laut bergelora tetapi tetap tidak diendahnya. Bahkan, Masran menggunakan kuasa autoritinya sebagai majikan untuk memastikan desakan nalurinya tercapai. Hal ini tergambar seperti petikan di bawah;

“Khabarnya di Pulau Undan, ada harta yang banyak. Alangkah baiknya kalau kita pergi ke sana,” Masran berkata dengan gembira.

“Laut ketika ini bergelora tuan. Tidakkah nanti kapal kita akan karam. Elok kita tunggu sehingga cuaca baik dan gelarannya reda,” Adun memberi cadangan.

“Aku bimbang. Nanti harta itu diambil orang,” Masran berkata.

“Tetapi, bahayanya besar, tuan,” Adun membantah.

“Sediakan sebuah kapal yang besar,” Masran memberi cadangan.

“Tapi tuan...”

“Dengan kapal yang besar sahajalah kita akan selamat menghadapi gelora,” Masran berkata lagi.

Lantaran bimbang Masran memarahinya, maka Adun pun menyediakan sebuah kapal yang besar...”

(*Tamak Membawa Rugi*, Julai 2000: 52-53)

Petikan ini jelas menunjukkan, ego Masran cuba membela kehendak nalurinya dengan mekanisme bela diri pendam. Menurut Freud, dengan mekanisme bela diri pendam, seseorang cuba menghalang fikiran bahaya atau takut daripada memasuki bahagian sedarnya (Habibah & Noran Fauziah, 1997: 25). Pendaman dalam diri Masran juga jelas terlihat sewaktu watak berhadapan dengan masalah kebocoran pada kapalnyanya yang telah dipenuhi dengan harta tersebut;

“Isikan lagi...,” Masran memerintah anak kapalnyanya.

Pembantu setianya tetap patuh. Tiba-tiba berkatalah Adun lagi.

“Kapal ini bocor tuan.”

“Jangan fikirkan kapal yang bocor,” Masran berkata lagi.

Anak-anak kapal tetap patuh mengisi emas ke dalam kapal. Masran bagaikan lupa yang kapal itu bocor. Sifat tamaknya mengaburkan dirinya.”

(Dewan Pelajar, Julai 2000: 52-53)

Malahan, Masran turut menggunakan hubungan majikan dengan pekerja sebagai penyelesaian konflik dirinya dengan Adun dan anak-anak kapalnyanya. Penyelesaian ini disebut sebagai obligasi iaitu satu penyelesaian yang berlaku antara orang bawahan dengan pihak yang lebih kuat pengaruhnya. Keadaan ini digambarkan melalui perlakuan Adun yang hanya sekadar berdiam, menggeleng-geleng kepala dan menuruti sahaja kemahuan tuannya kerana bimbang dimarahi jika terus membantah walaupun ternyata dia berada di pihak yang benar.

Walau bagaimanapun, desakan sifat tamak yang membelenggu dalam diri Masran telah memakan dirinya sendiri apabila watak tidak mampu melawan situasi alamiah yang dihadapinya. Masran memerintahkan supaya harta-harta tersebut dibuang ke laut kerana kapalnyanya telah dimasuki air. Akhirnya, segala usahanya ke Pulau Undan hanyalah sia-sia ibarat “yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran”. Jelas sekali, suara hati telah mencetuskan rasa bersalah dalam diri Masran seterusnya memberi kesedaran yang mendalam dalam dirinya supaya memilih matlamat yang bermoral dan realistik serta berusaha mencapai kesempurnaan dalam hidup.

“Kini kapal Masran kosong tanpa muatan emas. Masran Cuma mampu mengeluh.

“Aku terlalu tamak,” bisiknya.

Sejak itu Masran menyesali sikapnya yang tamak. Dan dia berjanji tidak akan bersifat tamak lagi. Semua harta yang ada di rumahnya dibahagi-bahagikan kepada Adun dan anak-anak kapalnya yang sangat setia kepadanya.”

(*Dewan Pelajar*, Julai 2000: 52-53)

Secara simboliknya, melalui cerita ini pengarang ingin menyindir golongan yang gilakan kekayaan dunia dan berbuat sesuka hati sehingga mendatangkan kerosakan pada bumi dan memberi kesusahan kepada makhluk lain bahawa perbuatan tersebut telah melanggar etika Islam. Sememangnya, sifat tamak dengan harta atau pangkat yang tidak pernah cukup itu boleh menjerumuskan manusia ke lembah kehancuran. Cendekiawan Melayu dahulu ada mengatakan “orang tamak selalu rugi” membuktikan sikap cinta akan kebendaan ini harus dijauhi daripada menjadi penyakit dalam masyarakat yang boleh menjadi tabiat buruk (Aminudin Mansor, 2012). Ternyata, sifat tamak haloba merupakan perbuatan yang tidak diterima oleh masyarakat Melayu. Melalui cerita ini juga, kanak-kanak diberitahu bahawa ajaran Islam menggalakkan umatnya supaya merenung dan mengambil iktibar daripada kisah kaum nabi Musa a.s yang angkuh dan tamak yang akhirnya terbenam ke dalam tanah bersama harta bendanya. Iktibar daripada kisah-kisah sejarah terdahulu, secara tak langsung menghangatkan kasih sayang generasi muda terhadap Islam dan menarik mereka untuk lebih mendalami ajaran Islam itu sendiri.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua cerita ini hanyalah sebahagian daripada beratus cerita rakyat masyarakat Melayu yang mempamerkan pelbagai bentuk konflik diri dengan masyarakat sekelilingnya. Seiring dengan asal cerita rakyat itu sendiri yang merupakan pernyataan sesuatu budaya kelompok manusia yang mengisahkan berbagai-bagai ragam peristiwa yang berkaitan dengan kehidupan mereka, baik secara langsung, mahupun sebaliknya (Mohd Taib Osman, 1991: 6).

Kesimpulan

Berdasarkan hasil penelitian konflik dan resolusi ke atas keempat-empat cerita rakyat terbitan majalah *Dewan Pelajar* ini, dapatlah disimpulkan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan hidup yang telah dilalui masyarakat Melayu dahulu.

Konflik yang hadir dalam cerita-cerita tersebut ialah konflik internal yakni konflik yang terjadi pada seorang tokoh yang bersangkutan dengan keinginan, tuntutan naluri dan harapan dalam diri tokoh terbabit. Selain itu, terjadi juga konflik *external* yakni konflik yang berlaku pada dua atau lebih tokoh untuk mempertahankan kekuasaan, pemilikan seperti konflik individu dengan keluarga atau konflik diri dengan masyarakat.

Sejarah masa lalu telah membuktikan bahawa karya sastera khususnya cerita rakyat banyak digunakan sebagai wadah untuk mengajar pelbagai keperluan hidup, memberikan ajaran moral, etika dan pandangan kehidupan, semangat berjuang dan juga nilai-nilai budaya hidup bermasyarakat. Justeru, pemaparan konflik hidup seperti ini sangat mendukung kepada proses pembentukan personaliti diri atau *character building* kanak-kanak lewat paparan sikap dan perilaku tokoh cerita, termasuk pelbagai motivasi yang dilatari oleh keadaan sosial budaya tokoh tersebut. Sesuai dengan perkembangan psikologi mental-emosi yang dilalui, kanak-kanak di usia 9 hingga 12 tahun sudah mampu berfikir dan membuat keputusan bersandarkan pengalaman yang dilihat atau dilaluinya sendiri. Oleh itu, kegiatan membaca, memahami dan merenungkan inti pati cerita rakyat akan menemukan kanak-kanak tentang budaya bersikap, budaya berfikir, budaya berasa dan budaya bertindak masyarakat Melayu dahulu yang antaranya masih boleh diadaptasikan dalam kehidupan seharian mengikut konteks zaman moden kini. Kata bijak pandai “sedang rebung baik dipatah, jadi buluh melepuh jari”, telah menjadi bukti betapa perlunya kanak-kanak dididik dan didedahkan sejak awal tentang tatacara yang bijak saat berhadapan dengan sebarang konflik dalam kehidupan mereka ini sekali gus menyahut seruan kerajaan dalam usaha melahirkan generasi baharu yang kreatif dan professional dalam mengungkap pelbagai permasalahan.

Rujukan

Aminudin Mansur. (2012, Disember 6). Sifat tamak bawa kehancuran. *Sinar Harian Online*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my/karya/pendapat/sifat-tamak-bawa-kehancuran-1.110110>

- Agus Sriyanto. (2007). Penyelesaian konflik berbasis budaya lokal. *Ibda'*: *Jurnal Kebudayaan Keislaman*,5(2), 1-10.
- Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar. (2007). *Membentuk jati diri remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Azlina Abu Bakar@Mohd. (2002). *Psikologi personaliti individu*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.
- Burhan Nurgiyantoro. (2010). Sastra anak dan pembentukan karakter. *Jurnal Cakrawala Pendidikan*. (5), 25-40.
- Dewan Pelajar*. (2000, Januari). Dot Dat Si Pemalas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Pelajar*. (2000, April). Raja Medang yang zalim. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Pelajar*. (2000, Julai). Tamak membawa rugi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Dewan Pelajar*. (2006, September). Hadiah semangkuk air dan semangkuk garam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub. (1997). *Psikologi personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan Langgulung. (1997). *Asas-asas pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Restu. (2006). Konflik dalam cerpen. *Tunas Cipta*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Julie Erin Leventhal. (2007). *Conflict resolution strategies in young children: do they do what they say?* (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). University of North Texas, Texas.
- Kamarulzaman Kamaruddin. (2011). *Psikologi perkembangan panduan untuk guru*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Laurent Metzger. 2009. *Nilai-nilai Melayu satu sudut pandangan orang luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mana Sikana. (2004). *Proses penulisan kreatif*. Singapura: EDN Media.
- Membunga@Siti Meriam Yaacob et al. (2014). Konflik resolusi dalam Hikayat Patani. Rahimah A. Hamid, Saad Othman dan Ahmad Moghni Salbani (pnyt.). *Rekayasa kearifan tempatan dalam sastra Melayu*. (hlm. 51-63). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mior Muhammad Saiful Nizan, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi dan Arba'ie. (2012, Jun). Refleksi pernyataan psikologi abnormal dan cerpen-cerpen remaja. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*,30 (1), 55-66.
- Mohamad Luthfi Abdul Rahman (2014). Awang Batil: Penglipur lara bijaksana, penyarai penyelesaian konflik. Dalam Rahimah A. Hamid, Saad Othman dan Ahmad Moghni Salbani (pnyt.). *Rekayasa kearifan tempatan dalam sastra Melayu*. (hlm. 16-25). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Mohd Foad Sakdan. (2005). *Pengurusan konflik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman (penye.). (1991). *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar. (1999). *Asas psikologi perkembangan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2011). Keabnormalan dan konflik manusia dalam eno: Satu kajian psikologi. *Jurnal Gendang Alam*, 2(2), 41-65.
- Nha-Trang Cong-Huyen-Ton-Nu. (Oct. 1975). Sastera dan masyarakat: Satu pengenalan. *Dewan Bahasa*, 19 (10), 643-650.
- Rahman Shaari. (1985). *Memahami istilah sastera*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn Bhd.
- Saleh Daud dan Izzah Abd. Aziz. (1993). Memudahkan perolehan bahan bacaan kanak-kanak dari kaca mata penulis. *Sekitar sastera kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sheikh Abdullah Basmeih. (2002). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Shukor Omar. (2003). *The Malay 10st world: With emphasis on entrepreneurship*. Shah Alam: Anzagain.
- Tjosvold, Dean. (1993). *Learning to manage conflict: Getting people to work together productively*. New York: Lexington Books
- Tri Rasa Setyaning. (2011). *Analisis konflik dalam naskah drama Stell karya Wolfgang Von Goethe melalui pendekatan psikologi sastra*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Fakulti Bahasa dan Seni, Universiti Negeri Yogyakarta.
- Wellek. R. dan Warren. A. (1995). *Teori kesusasteraan*. (Budianta Penterjemah). Jakarta Gramedia. (Terbitan asal 1949).